

06 NOV 2000

Mahathir-Keagungan

UMAT ISLAM DIMINTA PATUHI AL-QURAN UNTUK KEMBALIKAN KEAGUNGAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam patut menghayati kitab suci Al-Quran dengan tanggapan yang sebenar jika mereka mahu melihat abad ke-21 sebagai permulaan kepada kembalinya keagungan tamadun Islam.

Beliau berkata umat Islam juga patut mengatasi konflik dalaman yang mereka hadapi dan menghentikan perbalahan yang berlanjutan.

"Maksud jihad patut difahami dengan meluas bagi menghasilkan umat Islam yang rasional, pakar dalam pentadbiran, sains dan teknologi dan stabil dalam politik dan ekonomi," kata beliau dalam buku cenderamata sempena Tilawah Al-Quran Antarabangsa ke-42, di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Dr Mahathir berkata kelemahan dan kemerosotan umat Islam adalah kerana mereka tidak bersatu akibat salah tafsir dan tidak bersefahaman mengenai tafsiran dalam Al Quran dan ajaran tentang agama Islam.

Beliau berkata akibat tidak bersatupadu adalah sukar untuk mereka melaksanakan agenda dalam membina kekuatan dan membangunkan negara.

"Mereka ini terlalu sibuk untuk mengatasi masalah-masalah kecil sehingga melupakan pembangunan dan perubahan semasa," kata beliau.

Dr Mahathir berkata umat Islam terlalu lemah dan kadang-kala terpaksa bersetuju dengan kuasa barat kerana mereka tiada kekuatan dalam politik, ekonomi dan teknologi moden.

--BERNAMA

APG MAM ZB